



Edisi 6 | 2025 | Bilangan 55 | Edaran Percuma

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



**MAJLIS DOA SELAMAT
MULA KERJA PEMBINAAN**
KOMPLEKS PENTADBIRAN DAN
PUSAT KOMERSIAL MAIPK



PERBINCANGAN MEJA BULAT
PEMBANGUNAN HARTANAH MAIPK 2025



**MAIPK TAJA RM490 RIBU BANTU
MAHASISWA NEGERI PERAK**
SAMBUNG BELAJAR KE MESIR DAN JORDAN



Sidang Redaksi

Edisi 6 | 2025 | Bil. 55

Wadah**PENASIHAT**

Syamsul Hazeman bin Md Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif

KETUA EDITOR

Munawir bin Mohamed Noh
Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Strategik, Sekretariat & Adat Melayu

EDITOR

Norhidayu binti Sakdon
Pengurus Unit Komunikasi Strategik

Mohd Yakop bin Ikram
Penolong Pengurus Unit Komunikasi Strategik

JURUFOTO

Hamizul bin Othman
Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik

Nurul Farzana binti Ahmad Shah
Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik

Amirul Khalid bin Ahmad
Pembantu Tadbir Unit Sekretariat

EDARAN

Unit Komunikasi Strategik

DITERBITKAN OLEH:

Unit Komunikasi Strategik
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak,
Tingkat 6, Kompleks Islam Darul Ridzuan,
30000 Ipoh, Perak.
Tel: 05-2084000 Faks: 05-2414257

Laman web: www.maipk.gov.my
<https://wakafperak.gov.my/>

Emel: korporat@maipk.gov.my

Facebook: Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Instagram : ZakatPerak_Official

Tiktok : MajlisAgamaislamPerak

Isi Kandungan

Sidang Redaksi	2
Titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah	3 - 6
Majlis Doa Selamat Mula Kerja Pembinaan Kompleks Pentadbiran dan Pusat Komersial MAIPK	7
Semasa	8 - 15
Program Agihan Zakat Pemeriksaan Pendidikan	16



TITAH
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH
IBNI
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH
AL-MAGHFUR-LAH

MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1447 HIJRAH PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

TARIKH: 11 RABIULAWAL 1447H / 4 SEPTEMBER 2025 (KHAMIS);
JAM: 9.00 MALAM
TEMPAT: CASUARINA CONVENTION CENTRE,
HOTEL CASUARINA@MERU, BANDAR MERU RAYA, IPOH.

“UKHUWWAH ISLAMIAH ASAS PENYATUAN UMMAH”

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

“UKHUWWAH ISLAMIAH ASAS PENYATUAN UMMAH”, tema yang dipilih bagi Sambutan Maulidur Rasul peringkat Negeri Perak bagi tahun 1447 hijriah, bertujuan mengangkat kembali sejarah kegemilangan tamadun ummah berteraskan ukhuwah dan penyatuan. Konsep ukhuwah dan persaudaraan yang diperkenalkan oleh Baginda Sallallahu Alaihi Wassalam menjadi kerangka utama kepada pembentukan negara Islam Madinah pada tahun 662 Masihi.

2. Peristiwa mempersaudarakan golongan Muhajirin dan Ansar merupakan suatu catatan teragung dalam lipatan sejarah Islam. Detik terindah di rumah Anas bin Malik Radiallahuanhu yang menyaksikan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam

mempersaudarakan mereka, telah berjaya melunturkan semangat asabiah yang diwarisi sejak era jahiliyah. Persaudaraan yang dijiwai keimanan dan ketakwaan dapat merapatkan jurang perbezaan serta memperkayakan nilai muafakat demi kepentingan seluruh masyarakat merentasi agama dan bangsa.

3. Model komuniti yang dipacu oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam menjelaskan definisi ukhuwah dan penyatuan ummah berteraskan ajaran Islam. Peribadi yang dimiliki oleh kaum Muhajirin dan Ansar adalah manifestasi sifat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam yang diterjemahkan berdasarkan firman Allah Subhanahu Wata'ala' yang bermaksud:

"Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri yaitu Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat inginkan kebaikan bagi kamu, dan ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman"

4. Prinsip yang terkandung dalam ajaran Islam menekankan hubungan baik antara manusia dan Allah serta hubungan baik sesama manusia. Islam mengajar kasih sayang, kebenaran, keadilan, toleransi, saling menghormati dan kerjasama walaupun berada dalam masyarakat berbilang kaum dan berlainan agama.

5. Ukhuwah Islamiah merujuk kepada persaudaraan yang berteraskan keimanan dan ketakwaan. Ikatan akidah ini bukan sekadar hubungan sosial, tetapi merupakan satu ikatan rohani yang utuh berpaksikan kasih sayang kerana Allah. Iman dan takwa akan menerbitkan nilai-nilai suci yang mempertautkan hubungan sesama insan. Tanpa iman - tanpa takwa, manusia mudah dikuasai nafsu dan sifat hasad yang boleh mencetuskan bibit permusuhan dan kebencian. Nabi Sallallahu Alaihi Wassalam telah meninggalkan pesanan yang penting melalui hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bermaksud:

*"Janganlah saling mendengki, saling menipu, saling membenci, saling membelakangi dan janganlah sebahagian kamu membeli barang yang telah dibeli oleh orang lain. Jadilah kamu hamba-hamba Allah yang bersaudara. Seorang Muslim adalah saudara bagi Muslim yang lain. Dia tidak patut menzalimi, membiarkan saudaranya dalam kehinaan, membohongi dan merendahnya. Takwa itu di sini; Baginda menunjukkan dadanya tiga kali. Cukuplah seseorang dikatakan buruk jika sampai menghina saudaranya yang Muslim. Setiap Muslim atas Muslim yang lain; haram darahnya, hartanya dan kehormatannya"*²

6. Islam adalah agama yang bersifat inklusif; agama yang dapat menyatukan umatnya dengan ukhuwah dan

persaudaraan, bebas daripada sekatan darjat, kekayaan, warna kulit dan keturunan. Islam sesekali tidak meletakkan hak eksklusif kepada mana-mana golongan, tidak membenarkan sama sekali segala bentuk asabiah dan fanatik terhadap mana-mana kaum. Islam adalah agama perdamaian dan keharmonian, mengajak umatnya mencintai dan berkasih sayang agar sama-sama memperoleh kebahagiaan dunia dan akhirat. Nabi Sallallahu Alaihi Wassalam telah menggambarkan persaudaraan antara sesama umat Islam ibarat satu jasad, jika salah satu anggota sakit, maka seluruh anggota lain turut menanggung kesakitan yang sama³.

7. Keimanan dan ketakwaan menjadi pengikat yang dapat menyatukan hati dalam membentuk kesatuan ummah. Allah Subhanahu Wata'ala menegaskan bahawa setiap orang yang beriman adalah bersaudara. Sifat-sifat yang terlahir daripada persaudaraan akan membuatkan seseorang yang beriman sentiasa mengikat hubungan yang baik bersama saudaranya yang lain seperti memenuhi undangan saudaranya, menghormati tetamu, berkata yang baik, atau berdiam bagi menjaga diri daripada mengeluarkan kata-kata buruk, sehinggalah mengiringi saat terakhir jenazah saudaranya ke pemakaman.

8. Namun, inilah cabaran yang sedang dihadapi oleh ummah masa kini mendepani penyatuan dengan semangat ukhuwah yang muhibah. Perbezaan dan perbalahan untuk memenangkan hujah masing-masing yang sedang berlaku antara kabilah politik, mazhab dan bangsa telah mencetuskan polemik dalam kalangan ummah. Ummah seolah-olah melupakan wasiat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam agar meninggalkan perbuatan-perbuatan yang tercela seperti mengejek, memberi gelaran jelik, bersangka buruk, mengumpat, memfitnah, dan menjatuhkan hukum tanpa diselidiki.

9. Penyebaran fitnah dan kebencian semakin menular, terutama dalam media sosial, merancakkan perpecahan yang lebih getir. Saban hari ummah disajikan dengan kata-kata menjelikkan, menghina, mempersendakan dan membadutkan

² Riwayat Ahmad (hadis no. 7727) dan Muslim (hadis no. 2563).

³ Mafhum hadis sahih yang diriwayatkan oleh al-Bukhari (no. 6011) dan Muslim (no. 2586).

orang yang tidak bersefahaman dengan kumpulannya, menjelmakan budaya baharu yang sangat bercanggah dengan adab seorang Muslim dan berlawanan dengan adat Melayu. Hati yang tidak dijaga dengan ketakwaan, menjadikan anggota mulut yang berkata-kata dan tangan yang menyentuh papan kekunci gajet, bebas melakukan apa sahaja. Abdullah bin Mas'ud meriwayatkan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bersabda yang bermaksud:

"Musnahlah golongan yang melampau".⁴

10. Tindak tanduk yang melampaui batasan ini diertikan apa sahaja perkataan dan perbuatan yang berlebihan dan keterlaluan. Sikap melampau boleh membawa kepada perpecahan apabila golongan yang miskin adab dan kedana adat, mengetepikan nas-nas agama dan kehalusan budaya warisan bangsa. Akibatnya, berlakulah kerosakan, nilai-nilai murni agama diberikan tafsiran songsang, adat dipinggirkan, menyebabkan fahaman dan pegangan ummah, terutama dalam kalangan generasi muda terpesong dan songsang.

11. Perjanjian dan rundingan adalah cara diplomasi yang dilakukan oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wassalam untuk mewujudkan kesepakatan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan catatan sirah, keharmonian dan perdamaian dibangun melalui beberapa perjanjian dan rundingan yang berlaku sebelum dan sesudah kerasulan Baginda Sallallahu Alaihi Wassalam. Dalam konteks hukum Islam, perjanjian merupakan komitmen yang harus ditegakkan dalam norma-norma syariah dan bukan sekadar kesepakatan lisan yang tertulis di atas kertas. Perjanjian Aqabah, Piagam Madinah dan Perjanjian Hudaibiyah dan selainnya adalah antara kaedah Baginda Sallallahu Alaihi Wassalam membentuk kesepakatan dan perpaduan dengan rasa persaudaraan dan tanggungjawab yang jitu demi menegakkan agama dan mempertahankan negara.

12. Penyatuan ummah yang dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam merupakan salah satu langkah strategik yang membawa kepesatan dan kemakmuran negara Madinah. Kesepakatan kaum

yang berbilang dengan pegangan yang berbeza berjaya dihubungkan mengikut aturan-aturan yang diikat melalui konsensus; mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala agar tolong menolong dalam kebaikan, tetapi tidak menolong dalam perkara dosa dan permusuhan. Piagam Madinah telah mendorong semangat cinta tanah air serta menyuburkan sikap toleransi keagamaan dan kemanusiaan yang merupakan kunci kesatuan umat. Semua kaum dan kelompok perlu sepakat dan bekerjasama bertanggungjawab mempertahankan kota Madinah sekiranya berlaku serangan daripada pihak luar.

13. Pada 31 Ogos yang lalu, negara dan warga menyambut hari ulang tahun kemerdekaan kali ke-68. Kemerdekaan Tanah Air diperoleh secara rundingan – secara diplomasi melalui kebijaksanaan dan sifat pragmatisme Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman (Almarhum), seorang negarawan yang sangat menghargai semangat perundingan dan membina kerjasama antara kaum. Tunku Abdul Rahman melakukan rundingan dengan berlapang dada dan bersangka baik untuk membangunkan sebuah Persekutuan Tanah Melayu yang warganya terdiri daripada pelbagai kaum, menganut pelbagai agama, mewarisi pelbagai budaya dan menguasai pelbagai bahasa; kesemuanya diberikan tempat dan jaminan perlindungan yang saksama sebagai warga dalam sebuah negara merdeka. Tidak ada yang terpinggir – tidak ada penyisihan dilakukan. Secara bijaksana Yang Teramat Mulia Tunku mengayam indah tradisi dalam modenisasi. Institusi Raja didaulatkan sebagai raja berperlembagaan dalam pemerintahan moden berteraskan demokrasi berparlimen.

14. Generasi muda hari ini, perlu diperingatkan tentang kisah pahit penjajahan dan jerih perjuangan untuk mencapai kemerdekaan. Kemerdekaan ialah kenangan yang amat hiba. Bumi kita dijajah selama 446 tahun. Peristiwa pahit penjajahan bermula dengan kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka pada tahun 1511; disusuli dengan penaklukan Belanda pada tahun 1641, diserahkan kepada British pada tahun 1824, yang memulakan penguasaan secara berperingkat, menjadi

semakin ketara memulakan campur tangan dalam hal ehwal negeri-negeri Melayu selepas Perjanjian Pangkor pada tahun 1874. Bumi ini kemudiannya berada di bawah penjajahan Jepun selama tiga tahun lapan bulan, bermula dengan pendaratan tentera Jepun di Kota Bharu, pada 8 Disember 1941, berakhir pada akhir tahun 1945; dan kembali kepada pemerintahan Inggeris sehingga pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Jarak yang terpisah antara tarikh negara mencapai kemerdekaan dengan tarikh kelahiran generasi muda, menjauhkan generasi muda daripada memahami perit dan penderitaan penjajahan, erti kemerdekaan dan semangat kemerdekaan untuk membentuk kesepaduan umat yang berbilang kaum dan berlainan agama. Perjanjian yang pernah dipersetujui, jangan dibiarkan dipersoalkan sewenang-wenangnya, disebabkan semakin terhakis sikap saling mempercayai dan menghormati antara satu sama lain, serta dipengaruhi oleh api perselisihan yang semakin dinyalakan melalui retorik politik yang memilih untuk mengeksploitasi isu kaum dan agama.

15. Usaha perlu dipergiatkan untuk mengembalikan manhaj pembinaan negara bangsa berpandukan kebijaksanaan dan semangat yang diasaskan oleh Baginda Rasul Sallallahu Alaihi Wassalam. Warga Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, menganut pelbagai agama, mewarisi pelbagai budaya, dan menguasai pelbagai bahasa. Sikap bersederhana dan amalan bertoleransi dapat memberi peluang dan ruang kepada semua golongan untuk saling memahami dan saling menghormati antara satu sama lain; di samping mengenali batas sempadan tidak mengusik perkara-perkara yang menyentuh sensitiviti agama dan kaum.

16. Salah satu nikmat kurniaan Ilahi adalah menjadikan umat manusia berbagai bangsa agar saling berkenal dan beramah mesra. Kepelbagaian ini mengajak seluruh umat berusaha memahami adat dan tradisi kaum lain dengan sifat penuh hormat dan menghargai antara satu sama lain, terbit daripada nilai takwa dalam jiwa seorang Mukmin.

17. Serumpun bak serai, sesusun bak sirih, ungkapan indah peribahasa Melayu yang bertepatan prinsip agama; melarang sebarang bentuk perpecahan umat terhadap urusan duniawi mahupun ukhrawi. Islam mendidik umatnya untuk menjadi pendamai kepada pihak yang bertelagah. Allah Subhanahu Wata'ala memberikan petunjuk bahawa ketakwaan kepada Allah akan membersihkan jiwa daripada sifat-sifat tercela. Mereka yang bertakwa akan memperoleh rahmat Ilahi. Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu bersaudara dan berusaha untuk mendamaikan mereka yang bersengketa.

18. Bersyukurlah dengan nikmat keamanan kurniaan Ilahi kepada warga di bumi ini. Ukhuwah Islamiah bukan sekadar slogan, tetapi ukhuwah merupakan tanggungjawab bersama segenap ummah, demi memelihara perpaduan dan keharmonian. Tanpa ikatan ukhuwah, Islam akan hilang kekuatan dan mudah dicerobohi oleh anasir-anasir luar yang bertujuan meruntuh dan memecah belahkan ummah. Kembalilah kepada semangat ukhuwah dan persaudaraan yang sebenar sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam dan para sahabat Baginda.

19. Ya Allah, satukanlah hati-hati kami, perbaikilah hubungan antara kami, selamatkanlah kami daripada kegelapan jahiliyah, tunjukkanlah kami jalan yang lurus, kurniai kami taufik dan hidayah-Mu dan sinarilah jiwa kami dengan cahaya iman dan takwa. Jadikanlah kami umat yang bersatu, saling menyayangi, menghormati dan bekerjasama dalam kebaikan. Jauhkanlah kami daripada perpecahan, permusuhan dan kebencian. Tautkan hati-hati kami dengan iman dan kasih sayang kerana-mu Ya Allah.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ
وَالسَّلَامَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ



MAJLIS DOA SELAMAT MULA KERJA PEMBINAAN KOMPLEKS PENTADBIRAN DAN PUSAT KOMERSIAL MAIPK

IPOH, 18 September 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) mengadakan Majlis Doa Selamat mula kerja pembinaan Kompleks Pentadbiran dan Pusat Komersial (KPPK) MAIPK, yang bakal menjadi mercu tanda baharu Bandaraya Ipoh yang memperlihatkan warisan sejarah.

Projek pembangunan KPPK menampilkan reka bentuk seni bina Nusantara Melayu, berinspirasi elemen dan motif rumah tradisional Melayu Perak, khususnya Rumah Kutai. Usaha ini merupakan sebahagian daripada usaha MAIPK memberi nafas baharu dan menyuntik roh dalam hasrat memartabatkan seni bina warisan Melayu yang kian terpinggir dalam arus pembangunan moden.

Pembangunan KPPK bukan sahaja menitikberatkan aspek fungsi dan kemudahan moden, malah turut mengangkat estetika seni warisan tempatan sebagai teras utama reka bentuk. Antara ciri-ciri utama bangunan ini ialah:

- Bumbung lima yang sinonim dengan reka bentuk rumah tradisional Perak.
- Ukiran kayu halus pada tiang, siling dan tingkap, mencerminkan ketukangan halus masyarakat Melayu.
- Tingkap dengan peneduh suria, yang mengekalkan nilai estetik di samping berfungsi sebagai kawalan cahaya dan haba.
- Penggunaan elemen serta bahan binaan tradisional, bagi mengekalkan keaslian rupa bentuk warisan.
- Tona warna berinspirasi alam semula jadi, melambangkan kelestarian, keaslian dan kesederhanaan seni bina terdahulu.

Konsep dan reka bentuk kompleks diterajui oleh GDP Architects Sdn. Bhd., selaku perunding utama projek.

Majlis bersejarah ini disempurnakan oleh Mufti Negeri Perak, Sahibus Samahah Dato' Seri Haji Wan Zahidi bin Wan Teh, disaksikan oleh Yang Dipertua MAIPK, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini, Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Pegawai Kewangan Negeri, Yang Berhormat Dato' Mohd Zaki bin Mahyudin, Datuk Bandar Ipoh, Yang Berbahagia Zamakshari bin Hanipah, Orang Besar Jajahan Kinta, Orang Kaya Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja Dato' Ab. Wahab bin Dato' Seri Azizul Hassan, Pegawai Daerah Kinta, Yang Berusaha Zulkisham bin Ahmad Shukori, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Syamsul Hazeman bin Md. Salleh, anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, wakil-wakil jabatan dan agensi kerajaan, wakil komuniti setempat serta rakan-rakan strategik pembangunan.



KPPK merangkumi pembinaan sebuah bangunan setinggi enam tingkat, serta dua tingkat 'basement' untuk 314 lot tempat letak kereta dan 70 lot tempat letak motosikal.

Kompleks akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan moden; di samping ruang pejabat dan lantai komersial dan ruang niaga, satu lantai dikhaskan untuk Galeri Warisan. Kos pembinaan ialah RM74,671,403.40. Pembinaan dijangka mengambil masa 30 bulan dan disasarkan siap pada April 2028.

Pembangunan KPPK akan menjadi penanda aras baharu dalam pendekatan pembangunan yang menggabungkan tradisi dengan modenisasi, memenuhi agenda memulihara budaya dan warisan Melayu. Kompleks ini bukan sahaja akan berfungsi sebagai pusat urusan pentadbiran, malah dirancang untuk menjadi salah satu lokasi tarikan pelancong, pendidikan serta sejarah untuk generasi akan datang.



KUNJUNGAN HORMAT MAAHAD MIFTAHUL JANNAH

IPOH, 4 September 2025 - Yang Dipertua MAIPk, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini, telah menerima kunjungan hormat daripada pihak Maahad Miftahul Jannah yang diketuai oleh Ustaz Firdaus Mohamad Khairuddi.

Pertemuan ini membuka ruang jalinan ukhuwah serta perbincangan mengenai peranan institusi pendidikan Islam dalam memperkukuh syiar Islam dan memperkasa generasi muda di negeri Perak.



PERSIDANGAN MAIPK KALI KE-233

IPOH, 18 September 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah mengadakan Persidangan MAJLIS kali ke-233 bertempat di Kompleks Islam Darul Ridzuan yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua MAIPK, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini.

Persidangan berkala ini membincangkan pelbagai perkara berkaitan pengurusan zakat, wakaf dan agenda pembangunan sosioekonomi, dengan penekanan kepada pengurusan dana yang telus, berstrategi serta memberi impak langsung kepada kesejahteraan ummah.





PERBINCANGAN MEJA BULAT PEMBANGUNAN HARTANAH MAIPK 2025



KUANTAN, 24-25 September 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah menganjurkan Perbincangan Meja Bulat Pembangunan Hartanah MAIPK 2025 yang berlangsung di Zenith Hotel, Kuantan, Pahang. Sesi perbincangan ini bertujuan mendapatkan input daripada penggiat industri pelbagai kepakaran, berkongsi pengalaman agensi wakaf yang mempunyai model terbaik dalam pengurusan pembangunan hartanah wakaf, serta meneroka ruang kolaborasi strategik bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus wakaf dan baitulmal di negeri Perak.

Tiga fokus utama perbincangan ialah perancangan pembangunan dan model perniagaan, instrumen kewangan bagi projek pembangunan dan aspek perundangan. MAIPK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua jemputan yang hadir dan berkongsi pandangan bernas antaranya Prof. Madya Dr. Mohamed Fairouz bin Abdul Khir, Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak; Wakaf Pulau Pinang (MAINPP); Perbadanan Wakaf Selangor (PWS); PLAN Malaysia Negeri Perak; Panel Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB); Syarikat Rahim & Co. International Sdn. Bhd.; Firma ASWA Advisory; Firma Kamaruzaman Arif & Sofiah; dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak (PSB).

Hasil cadangan dan dapatan daripada sesi ini akan dijadikan panduan penting dalam memperkukuh strategi serta memperkemas aspek pembangunan hartanah MAIPK.



KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN TEKNIKAL MAIPK KE ROYALE CHULAN RESORT, CHERATING

CHERATING, 23 September 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah mengadakan kunjungan hormat dan lawatan teknikal ke Royale Chulan Resort, Cherating, Pahang. Lawatan ini diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Syamsul Hazeman bin Md Salleh, bersama pegawai kanan MAIPK dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Perak (PSB).

Ketibaan delegasi telah disambut mesra oleh pihak UAC Berhad yang diketuai oleh Pengurus Besar, Pengurusan Kerajaan, Kawal Selia & Pemegang Taruh, Mohd Najib bin Mohd Seth, serta Eksekutif Kanan Projek, Ts. Mohd Saifuddin.

Tujuan utama lawatan ini adalah untuk mendapatkan pencerahan mengenai konsep dan kaedah pembinaan menggunakan teknologi Industrial Building Series (IBS) serta berkongsi pengalaman pengurusan projek sebagai rujukan bagi pembangunan hartanah MAIPK pada masa hadapan.

MAIPK optimis bahawa lawatan ini akan menjadi pemangkin kepada perancangan strategik dalam memperkukuh peranan sebagai agensi pemacu pembangunan hartanah wakaf dan baitulmal di negeri Perak.





DARI PEMULIHAN KE KEMAHIRAN, PROPER A CIPTA PELUANG DAN HIDUP BAHARU DI PUSAT KOREKSIONAL BATU GAJAH

BATU GAJAH, 11 September 2025 - Majlis Penutup Program PROPER A bagi Kursus Penyediaan & Pembuatan Makanan Seni Kulineri anjuran Pusat Pemulihan Akhlak Wanita Batu Gajah dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) serta Haaza Centre of Excellence sebagai penyedia latihan bertauliah telah berlangsung semalam.

Kursus selama tiga bulan bermula Jun sehingga September ini disertai seramai 30 peserta wanita Islam yang diberi pendedahan teori dan amali dalam bidang seni kulineri untuk melahirkan tenaga berkemahiran serta mampu menjana pendapatan pada masa hadapan.

Majlis penutup dihadiri oleh Pengarah Pusat Koreksional Batu Gajah, PKP S. Tanabal A/L Socklingam, bersama Timbalan Pengarah Pusat Koreksional Batu Gajah, PP Mahyuddin Bin Awang. Turut hadir ialah Pengurus Besar Bahagian Pemerkaasan Asnaf MAIPK, Amiruddin bin Osman, serta Pengurus Pusat Bertauliah Haaza Centre of Excellence, Zakir Shah bin Mir Bansah.

Program ini diharap memberi manfaat besar kepada peserta, bukan sahaja dalam kehidupan harian malah sebagai persediaan menjana pendapatan serta membina masa depan yang lebih baik.



MAIPK BAKAL LAHIRKAN 50 JURUTEKNIK FIBER OPTIK MELALUI LATIHAN TVET

IPOH, 22 September 2025 - Seramai 50 belia asnaf melakar langkah bersejarah apabila mereka ditaja sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) melalui Program "Place & Train" Kursus Juruteknik Fiber Optik dalam bidang telekomunikasi. Peserta yang dipilih dari seluruh daerah di Negeri Perak akan menjalani latihan intensif di TM Training Centre Taiping sebelum ditempatkan terus ke industri sebenar. Program ini bukan sahaja menyediakan latihan kemahiran, malah turut memberi jaminan kerjaya serta membuka laluan baharu ke arah peningkatan taraf hidup asnaf.

Bersempena pelepasan peserta kursus ini, MAIPK turut menganjurkan Sesi Sembang Santai bertajuk "Dari Mimpi Menjadi Realiti, Langkah Kita Bermula Di Sini." Sesi ini menjadi platform motivasi agar peserta menanam tekad keluar daripada belenggu kemiskinan melalui ilmu dan kemahiran. Sembang santai ini dikendalikan oleh Pengurus Besar Bahagian Pemerkaasan Asnaf, Amirudin bin Osman bersama wakil penyedia latihan, SRC Global Resources Sdn. Bhd. yang tampil sebagai ahli panel perkongsian pengalaman.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Syamsul Hazeman bin Md Salleh, yang menyampaikan kata-kata perangsang serta sokongan penuh kepada para peserta agar terus yakin melakar masa depan yang lebih gemilang.





52 ANAK PERAK SAMBUNG PENGHAJIAN KE MESIR & JORDAN



IPOH, 2 September 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menganjurkan Program Bekalan Ilmuwan Ke Timur Tengah di Hotel Impiana kepada 52 anak negeri Perak sebelum mereka berangkat melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda ke Mesir dan Jordan bagi sesi 2025/2026. Program ini bertujuan memberi pendedahan awal dan persiapan rapi kepada para pelajar dalam mempersiapkan para pelajar dari aspek mental, fizikal dan spiritual sebelum melangkah ke bumi anbiya.

Beberapa pengisian penting termasuk taklimat perjalanan ke Timur Tengah dan taklimat Skim Bantuan MAIPk telah disampaikan oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Suhaimi bin Yusoff dan Pengurus Bahagian Agihan Zakat, Mohamad Hafizi bin Mohamad Nor serta perkongsian tentang kehidupan di Mesir dan Jordan telah disampaikan oleh Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Strategik, Sekretariat & Adat Melayu, Munawir bin Mohamad Noh.

Para mahasiswa penting sebagai pewaris ilmu dan bakal pemimpin masa depan ummah yang membawa harapan besar masyarakat dan negeri Perak. Semoga dengan dana zakat yang diterima, mereka terus bersemangat menuntut ilmu, cekal berjuang dan akhirnya kembali ke tanah air sebagai ilmuwan yang menyumbang untuk agama, bangsa serta negara.

MAIPk URUSKAN 53 MAHASISWA KE MESIR & JORDAN



SEPANG, 17 September 2025 -Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) terus komited dalam bidang pendidikan dengan menaja seramai 32 orang mahasiswa ke Mesir dan Jordan bagi menyambung pengajian dalam bidang Pengajian Islam bagi sesi 2025/2026.

Keseluruhan nilai tajaan di bawah Skim Dermasiswa Luar Negara berjumlah RM490,000 termasuk pembiayaan Kelas Bahasa dan tambang perjalanan. Kumpulan pertama seramai 51 orang telah berangkat ke Mesir pada 17 September 2025, manakala kumpulan kedua seramai 2 orang telah berlepas ke Jordan pada 20 September 2025.

Turut sama mengiringi mereka dalam perjalanan ialah Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Suhaimi bin Yusoff, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah, AF Ustaz Haji Saiful Azizi bin Abdul Manap dan Pengurus Bahagian Khidmat Pengurusan, Razif bin Mokhtar bagi memastikan kelancaran perjalanan ke destinasi.

Langkah ini sejajar dengan peranan MAIPk dalam memperkasa modal insan melalui sokongan pendidikan, khususnya dalam melahirkan generasi ilmuwan Islam yang mampu menyumbang kembali kepada pembangunan ummah.



MAIPK HULUR BANTUAN SEGERA KEPADA MANGSA RIBUT DI KUALA KURAU



KUALA KURAU, 15 September 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menyantuni mangsa ribut yang melanda di kawasan Parit Haji Abas, Parit Haji Said dan Jalan Baru, Kuala Kurau. Kejadian ribut yang berlaku sekitar pukul 1.00 pagi itu telah mengakibatkan lima buah rumah mengalami kerosakan.

Susulan insiden tersebut, Pengurus Besar MAIPk Zon Utara, Mohd Saufi bin Ibrahim, telah turun padang meninjau keadaan mangsa serta menyalurkan bantuan kecemasan segera dalam bentuk wang tunai bagi meringankan beban dan kesukaran yang ditanggung.

Selain itu, kos kerja-kerja menebang pokok yang tumbang akibat ribut turut ditanggung sepenuhnya oleh MAIPk bagi memastikan keselamatan penduduk setempat. MAIPk turut mendoakan agar semua mangsa yang terjejas dikurniakan ketabahan dan kesabaran dalam menghadapi ujian serta musibah ini.



MAIPk ZIARAH MANGSA RIBUT DI GERIK



GERIK, 23 September 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) Cawangan Gerik telah menziarahi lima buah rumah di Kampung Sawa yang terkesan akibat ribut petir. Shamsul Anuar bin Zakaria, Pengurus Cawangan MAIPk Gerik bersama Penghulu Mukim Kenering dan Ketua Kampung Sawa turun padang menyampaikan sumbangan kepada keluarga mangsa yang terjejas. MAIPk akan terus bekerjasama dengan pihak kepimpinan tempatan bagi menyalurkan bantuan sewajarnya. Ziarah tersebut juga memberi peluang pihak MAIPk meninjau keadaan sebenar mangsa serta mengenalpasti bentuk bantuan yang sesuai untuk disalurkan.



MAJLIS SERAHAN CEK SUMBANGAN RM20,000 KEPADA SEKOLAH KEBANGSAAN BAGAN SERAI



BAGAN SERAI, 8 September 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah menyerahkan sumbangan berbentuk cek berjumlah RM20,000 kepada Sekolah Kebangsaan Bagan Serai dalam satu majlis ringkas tetapi penuh bermakna. Penyerahan cek tersebut telah disempurnakan oleh Pengurus Besar MAIPK Zon Utara, Mohd Saufi bin Ibrahim manakala pihak sekolah diwakili oleh Puan Norlaila binti Ab Rahmat selaku penerima sumbangan. Sumbangan ini bertujuan untuk menyokong usaha pembangunan pendidikan dan prasarana sekolah, sekali gus memberi manfaat kepada warga sekolah dalam meningkatkan kualiti pembelajaran serta suasana kondusif untuk para pelajar.



PROGRAM MESRA HARI BERTEMU PELANGGAN NEGERI PERAK SIRI 7/2025



IPOH, 29 September 2025 - Program Mesra Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak Siri 7/2025 telah berlangsung di Dewan KPTM Ipoh, Meru. Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK), Suhaimi bin Yusoff turut hadir bagi menyantuni para pelanggan serta mendengar secara langsung pandangan dan maklum balas yang dikongsikan.



MAIPK mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk menjadi mata dan telinga masyarakat dalam menyalurkan maklumat berkaitan golongan asnaf yang memerlukan bantuan. MAIPK juga komited menangani isu-isu berkaitan wakaf serta menggalakkan masyarakat bersama-sama menghidupkan amalan berwakaf demi manfaat bersama.

Dengan keprihatinan dan sokongan semua pihak, diharapkan tiada golongan yang terpinggir daripada menerima bantuan yang sewajarnya, serta potensi wakaf dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk kesejahteraan ummah.



MAIPK SANTUNI ASNAF PADA SESI TEMUDUGA PENYAMBUNGAN BANTUAN BULANAN

TRONG, 4 September 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) Cawangan Taiping telah melaksanakan Sesi Temuduga Penyambungan Bantuan Bulanan bagi asnaf di Mukim Trong bertempat di Dewan Perdana Mukim Trong. Seramai 225 orang asnaf telah dijemput hadir bagi sesi temuduga kali ini, dan daripada jumlah tersebut, 195 orang asnaf telah hadir untuk ditemuduga.

Bagi memastikan proses temuduga berjalan lancar serta menepati garis panduan agihan zakat, seramai 15 orang panel penemuduga telah ditugaskan. Panel ini terdiri daripada pegawai MAIPK dengan kepakaran masing-masing dalam menilai kelayakan serta keperluan asnaf. Program ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan MAIPK dalam memastikan golongan asnaf yang benar-benar layak terus disantuni melalui Bantuan Bulanan, agar mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik.



IPOH, 4 September 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) Cawangan Ipoh turut menjalankan Sesi Temuduga Penyambungan Bantuan Bulanan bagi asnaf terpilih. Seramai 370 orang asnaf telah dijemput menghadiri sesi temuduga yang diadakan secara berperingkat pada sebelah pagi dan petang.

Program ini bertujuan menilai kelayakan semasa penerima agar bantuan bulanan yang diagihkan terus disalurkan kepada mereka yang benar-benar layak. Kehadiran panel yang ramai telah memastikan kelancaran sesi dan mempercepatkan proses temuduga.





PROGRAM AGIHAN ZAKAT PEMERKASAAN PENDIDIKAN

DERMASISWA DALAM NEGARA

Asnaf: Fisabilillah



PERKAPITA SAR

Asnaf: Fisabilillah



DERMASISWA LUAR NEGARA

Asnaf: Fisabilillah

TAMBANG PERJALANAN BELAJAR LUAR NEGARA

Asnaf: Ibnu Sabil

